# KERTAS KONSEP
# ANUGERAH IKON GURU KOKURIKULUM/SUKAN DAN IKON GURU SENI BUDAYA SEMPENA PERAYAAN HARI GURU PERINGKAT KEBANGSAAN 2021

## 1.0 PENDAHULUAN

Anugerah Ikon Guru mula diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 2013 sehingga kini sebagai anugerah tambahan sempena Sambutan Perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan bagi memberi penghargaan terhadap pencapaian guru daripada pelbagai bidang pendidikan.

Setiap tahun terdapat penambahan Anugerah Ikon Guru dari Bahagian-Bahagian KPM yang merangkumi semua aspek dalam pendidikan. Sehubungan dengan itu, bermula tahun 2019 Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah diberi mandat untuk menyelaras pemilihan ikon guru yang berfokuskan kepada bidang sukan, kokurikulum dan seni. Untuk tahun 2021, penganugerahan ikon guru di bawah penyelarasan BSKK ini diberi penelitian yang lebih menyeluruh dan dibahagikan kepada dua kategori iaitu Ikon Guru Kokurikulum/ Sukan serta Ikon Guru Seni Budaya.

Ikon Guru Kokurikulum/Sukan serta Ikon Guru Seni Budaya adalah anugerah yang disediakan bagi memberi pengiktirafan kepada individu yang berilmu, berpengetahuan, memiliki kepimpinan dan pencapaian serta dapat menggunakan kelebihan dirinya untuk menyumbang bakti kepada masyarakat yang lebih besar dan tidak terhad dalam lingkungan bidang pendidikan sahaja.

## 2.0 OBJEKTIF ANUGERAH

2.1 Memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang telah memberi sumbangan yang besar dan cemerlang dalam bidang kokurikulum, sukan dan seni budaya;

2.2 Menggalakkan penglibatan lebih ramai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan untuk melonjakkan diri dan potensi diri sehingga ke peringkat antarabangsa; dan

2.3 Memartabatkan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dalam agenda pendidikan negara.

## 3.0 KONSEP ANUGERAH

Anugerah ini diberi kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) yang masih berkhidmat dengan KPM. Pegawai tersebut mestilah telah memberi sumbangan yang besar dan cemerlang di peringkat antarabangsa dan pada masa yang sama beliau juga telah memberi sumbangan besar kepada negara terutama kepada masyarakat, sekolah atau organisasi serta institusi tempat berkhidmat. Penilaian Ikon Guru Kokurikulum/Sukan serta Ikon Guru Seni Budaya 2021 ini memfokuskan kepada kecemerlangan dan pencapaian PPP dalam bidang kokurikulum, sukan dan seni budaya di peringkat antarabangsa. Anugerah ini hanya akan diberikan kepada pegawai yang benar-benar layak dan terbaik untuk menerima anugerah tersebut pada setiap tahun.

## 4.0 SYARAT- SYARAT PENYERTAAN

4.1 Pencalonan ini terbuka kepada semua PPP yang masih berkhidmat dengan KPM;

4.2 Calon Ikon Guru Kokurikulum/Sukan serta Ikon Guru Seni Budaya (Seni Persembahan) perlu melalui proses pemilihan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri/Bahagian/Institusi Pendidikan Guru dan diperakui oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri, Ketua Jabatan dan Bahagian yang diwakili;

4.3 Calon Ikon Guru Kokurikulum/Sukan serta Ikon Guru Seni Budaya (Seni Persembahan) hendaklah individu yang boleh dijadikan sumber rujukan (pakar rujuk) dalam bidang masing-masing. Penglibatan pegawai dalam bidang yang diceburi mestilah secara berterusan dalam tempoh tertentu di peringkat antarabangsa;

4.4 Penglibatan, sumbangan dan kejayaan calon dalam tempoh lima tahun terkini dalam bidang kokurikulum/sukan/seni budaya (seni persembahan) layak dicalonkan;

4.5 Penilaian Ikon Guru Kokurikulum/ Sukan dan Ikon Guru Seni Budaya (Seni Persembahan) tahun 2021 akan memfokuskan penglibatan, sumbangan dan kejayaan PPP di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;

4.6 Calon Ikon Guru Kokurikulum/Sukan serta Ikon Guru Seni Budaya (Seni Persembahan) mestilah seseorang yang dihormati (*respected*) dan mempunyai personaliti terbilang iaitu baik dari segi kelakuan, beradab dan bebas dari tindakan tatatertib;

4.7 Calon Ikon Guru Kokurikulum/Sukan serta Ikon Guru Seni Budaya (Seni Persembahan) juga hendaklah seseorang yang boleh menjadi ***Role Model*** dan mampu memberi impak positif kepada warga pendidikan dan masyarakat;

4.8 Calon **yang pernah dianugerahkan** sebagai Ikon Guru di bawah penyelarasan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian di peringkat kebangsaan **tidak boleh** dicalonkan semula untuk pencalonan bagi tahun – tahun berikutnya;

4.9 Calon dimohon menyedia dan menghasilkan satu video kreatif berdurasi 10 minit pengajaran / aktiviti mengikut kategori bidang yang diwakili;

4.10 **Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) hendaklah menghantar satu (1) calon terbaik** negeri masing-masing bagi setiap kategori Ikon Guru Kokurikulum/Sukan serta Ikon Guru Seni Budaya (Seni Persembahan) ke Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian. Dokumen pencalonan berikut hendaklah dihantar dalam bentuk *softcopy pdf*:

a) Surat Pencalonan Rasmi daripada Pengarah/Ketua Jabatan/Institusi/Bahagian
b) Borang Pencalonan
c) Salinan Dokumen Sokongan
d) Pautan Video
   - Semua dokumen di atas hanya boleh dimuat naik oleh pegawai/penyelaras JPN /Bahagian/Institusi yang dilantik, melalui pautan *google drive* yang akan disediakan oleh urus setia setelah pemilihan & penilaian peringkat JPN dilaksanakan.

4.11 Semua pencalonan yang telah melalui proses pemilihan di peringkat JPN dan institusi masing-masing hendaklah sampai kepada urus setia pada atau sebelum **2 April 2021 (Jumaat)** di alamat:

**Urus Setia**
Ikon Guru Kokurikulum/Sukan dan Ikon Guru Seni Budaya
(Seni Persembahan)
Sempena Perayaan Hari Guru 2021
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
**u.p: Puan Nor Hapipah binti Haji Md Shah**
**(03-8884 1100/010-2255676)**
**Datin Nik Shareeza Roslyn binti Mohd Roslyn**
**(03- 88721648)**
e-mel: hapipah.mdshah@moe.gov.my /
nik.shareeza@moe.gov.my

4.12 Borang Pencalonan Ikon Guru Kokurikulum/ Sukan dan Ikon Guru Seni Budaya (Seni Persembahan) boleh dimuat turun melalui portal rasmi KPM www.moe.gov.my.

4.13 Keputusan Jawatankuasa Panel Pemilihan Anugerah Ikon Guru Kokurikulum/ Sukan dan Ikon Guru Seni Budaya (Seni Persembahan) 2021 adalah muktamad.

**BORANG PENCALONAN**

**IKON GURU KOKURIKULUM/SUKAN DAN IKON GURU SENI BUDAYA (SENI PERSEMBAHAN) SEMPENA PERAYAAN HARI GURU 2021 KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

| PENCALONAN | TANDAKAN (X) |
|---|---|
| IKON GURU KOKURIKULUM/SUKAN | |
| IKON GURU SENI BUDAYA (SENI PERSEMBAHAN) | |

Gambar
Ukuran
Pasport

1. **Maklumat Peribadi Calon :**

1.1 Nama Calon : ..........................................................

1.2 No. Kad Pengenalan : ..........................................................

1.3 Umur : ............................

1.4 Jantina : ..............................

1.5 Jawatan : ...............................

1.6 Nama dan Alamat Majikan:..........................................................

..........................................................

Poskod : .......................

No. Telefon (P) : .............................

No. Faks :.............................

1.7 Tempoh Berkhidmat : ..............................

1.8 Alamat Rumah : ......................................................

......................................................

Poskod : .............................

Negeri : .............................

No. Telefon (R) : .............................

No. (Hp) : .............................

E-mel : .............................

1.9 Pengkhususan : a) Kokurikulum ......................

b) Sukan ......................

c) Seni Budaya (Seni Persembahan)

...........................

## 2. Kejayaan, Penglibatan dan Sumbangan

### 2.1 Peringkat Antarabangsa

| Bil | Bidang | Penglibatan / Sumbangan | Kejayaan | Tahun |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |

* *Mohon lampirkan* ***3 SAHAJA pencapaian terbaik*** *calon(salinan sijil penglibatan,sumbangan dan kejayaan)*

### 2.2 Peringkat Kebangsaan

| Bil | Bidang | Penglibatan / Sumbangan | Kejayaan | Tahun |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |

**Mohon lampirkan* ***3 SAHAJA pencapaian terbaik*** *calon(salinan sijil penglibatan,sumbangan dan kejayaan)*

**2.3 Markah PBPPP/LNPT** : Tahun 2018____________________
Tahun 2019____________________
Tahun 2020____________________

### 2.4 Anugerah

| Bil | Anugerah | Peringkat | Bidang | Tahun |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |

* *Mohon lampirkan* ***SATU SAHAJA pencapaian anugerah terbaik calon****. Sila sertakan dokumen sokongan (salinan sijil anugerah)*

### 2.5 Pautan Video Kreatif Pengajaran/ Aktiviti Perkongsian Ilmu Calon

| Bil | Pautan | Tajuk |
|---|---|---|
| | | |

* *Mohon lampirkan* ***SATU SAHAJA pautan video kreatif terbaik untuk rujukan.***

2.6 Perakuan Calon

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberi di atas adalah benar.

Tandatangan Calon :

……………………………………..

(Nama : )

2.7 Ulasan Ketua Jabatan

Saya mengesahkan bahawa sepanjang pengetahuan saya, maklumat yang diberikan adalah benar. Saya menyokong penuh permohonan ini.

Pengesahan Oleh Ketua Jabatan:

……………………………………..

(Nama : )

Cap :

2.8 Pengesahan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri

Saya mengesahkan bahawa sepanjang pengetahuan saya, maklumat yang diberikan adalah benar. Saya menyokong penuh permohonan ini.

Pengesahan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri:

……………………………………..

(Nama : )

Cap :

**2.9 Pengesahan Pengarah Bahagian**

Saya mengesahkan bahawa sepanjang pengetahuan saya, maklumat yang diberikan adalah benar. Saya menyokong penuh permohonan ini.

Pengesahan Pengarah Bahagian:

...........................................

(Nama : )

Cap :

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN**

# KRITERIA IKON GURU KOKURIKULUM/SUKAN DAN IKON GURU SENI BUDAYA (SENI PERSEMBAHAN) TAHUN 2021

| IKON GURU | KRITERIA |
|---|---|
| **IKON GURU KOKURIKULUM/SUKAN** | 1) Calon yang dicalonkan untuk Ikon Guru Kokurikulum/Sukan ini kepada semua PPP yang masih berkhidmat dengan KPM;<br><br>2) Calon yang dicalonkan mestilah seorang yang berilmu, berkemahiran, berpengetahuan luas dan kreatif dalam mencari ruang dan peluang untuk berkarya dalam mendepani kekangan isu pelaksanaan program/aktiviti kokurikulum & sukan masa kini;<br><br>3) Calon yang dicalonkan perlu melalui proses pemilihan di peringkat Jabatan Pendidikan/ Bahagian/Institusi Pendidikan Guru dan diperakui oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri, Ketua Jabatan dan Bahagian yang diwakili;<br><br>4) Calon yang dicalonkan hendaklah individu yang boleh dijadikan sumber rujukan (pakar rujuk) dalam bidang masing-masing. Penglibatan pegawai dalam bidang yang diceburi mestilah secara berterusan dalam tempoh tertentu di peringkat antarabangsa;<br><br>5) Calon yang layak dicalonkan akan mengambilkira penglibatan, sumbangan dan kejayaan calon dalam tempoh lima tahun terkini dalam bidang kokurikulum/sukan;<br><br>6) Penilaian calon memfokuskan penglibatan, sumbangan dan kejayaan PPP di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;<br><br>7) Calon mestilah seseorang yang dihormati (*respected*) dan mempunyai personaliti terbilang iaitu baik dari segi kelakuan, beradab dan bebas dari tindakan tatatertib; |

| | |
|---|---|
| | 8) Calon hendaklah seseorang yang boleh menjadi ***Role Model*** dan mampu memberi impak positif kepada warga pendidikan dan masyarakat;<br><br>9) Calon **yang pernah dianugerahkan** sebagai Ikon Guru di bawah penyelarasan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian di peringkat kebangsaan **tidak boleh** dicalonkan semula untuk pencalonan bagi tahun – tahun berikutnya;dan<br><br>10) Calon dimohon menyedia dan menghasilkan satu video kreatif berdurasi 10 minit pengajaran / aktiviti mengikut kategori bidang yang diwakili. |

| | |
|---|---|
| **IKON GURU SENI BUDAYA (SENI PERSEMBAHAN)** | 1) Calon yang dicalonkan untuk Ikon Guru Kokurikulum/Sukan ini kepada semua PPP yang masih berkhidmat dengan KPM;<br><br>2) Calon yang dicalonkan mestilah seorang yang berilmu, berkemahiran, berpengetahuan luas dan kreatif dalam mencari ruang dan peluang untuk berkarya dalam mendepani kekangan isu pelaksanaan program/aktiviti kokurikulum & sukan masa kini;<br><br>3) Penilaian Ikon Guru Seni Budaya (Seni Persembahan) tahun 2021 akan memfokuskan pencapaian dan penglibatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam bidang seni muzik, seni tari dan seni teater;<br><br>4) Calon yang dicalonkan perlu melalui proses pemilihan di peringkat Jabatan Pendidikan/ Bahagian/Institusi Pendidikan Guru dan diperakui oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri, Ketua Jabatan dan Bahagian yang diwakili;<br><br>5) Calon yang dicalonkan hendaklah individu yang boleh dijadikan sumber rujukan (pakar rujuk) dalam bidang masing-masing. Penglibatan pegawai dalam bidang yang diceburi mestilah secara berterusan dalam tempoh tertentu di peringkat antarabangsa;<br><br>6) Calon yang layak dicalonkan akan mengambilkira penglibatan, sumbangan dan kejayaan calon dalam tempoh lima tahun terkini dalam bidang kokurikulum/sukan;<br><br>7) Penilaian calon memfokuskan penglibatan, sumbangan dan kejayaan PPP di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;<br><br>8) Calon mestilah seseorang yang dihormati (*respected*) dan mempunyai personaliti terbilang iaitu baik dari segi kelakuan, beradab dan bebas dari tindakan tatatertib; |

| | |
|---|---|
| | 9) Calon hendaklah seseorang yang boleh menjadi ***Role Model*** dan mampu memberi impak positif kepada warga pendidikan dan masyarakat;<br><br>10) Calon **yang pernah dianugerahkan** sebagai Ikon Guru di bawah penyelarasan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian di peringkat kebangsaan **tidak boleh** dicalonkan semula untuk pencalonan bagi tahun – tahun berikutnya; dan<br><br>11) Calon dimohon menyedia dan menghasilkan satu video kreatif berdurasi 10 minit pengajaran / aktiviti mengikut kategori bidang yang diwakili. |